

Bil. S 10

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA TAFSIRAN DAN PERKARA-PERKARA AM (PINDAAN), 2010

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 3 dari Penggal 4.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA TAFSIRAN DAN PERKARA-PERKARA AM (PINDAAN), 2010

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Tafsiran dan Perkara-Perkara Am (Pindaan), 2010.

Pindaan bab 3 dari Penggal 4.

2. Bab 3 dari Akta Tafsiran dan Perkara-Perkara Am adalah dipinda dengan memansuhkan ceraiian (11) dan menggantikannya dengan ceraiian baru yang berikut —

"Menggelar semula nama jawatan awam dll.

(11) Apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan yang dinyatakan dalam *Warta Kerajaan*, mengarahkan supaya gelaran mana-mana jawatan awam atau seorang pegawai atau lebih yang memegang jawatan awam yang sama, atau mana-mana badan awam atau mana-mana pihak berkuasa awam yang lain, atau mana-mana tempat diubah, maka suatu sebutan kepada jawatan, pegawai, pegawai-pegawai, badan, pihak berkuasa atau tempat itu dalam sebarang undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan sebagai suatu sebutan kepada jawatan, pegawai, pegawai-pegawai, badan, pihak berkuasa atau tempat yang diberi gelaran semula itu."

Diperbuat pada hari ini 18 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1431 bersamaan dengan 3 haribulan Februari, 2010 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM